

09/05/2003

Pakej rangsangan ekonomi ambil kira semua faktor: PM

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pakej rangsangan ekonomi yang akan diumumkannya dalam masa terdekat akan mengambil langkah amat berhati-hati, termasuk pertimbangan terhadap keperluan menangguhkan projek mega.

Perdana Menteri berkata, pakej itu - yang diramalkan oleh sumber-sumber akan diumumkan dua minggu lagi - perlu mengambil kira kesan yang bakal ditanggung kontraktor dan perniagaan sokongan lain jika projek bernilai berbilion ringgit terpaksa dilengahkan.

"Masalahnya ialah ia akan memberi kesan sampingan kepada kontraktor kalau kita tangguhkan projek mega dan projek lain. Pekerja tidak ada kerja hingga penjual nasi lemak yang menjual kepada pekerja ini pun mendapati jualan mereka tak laku. Jadi, kita perlu berhati-hati," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Kompleks Gas Asli Cecair (LNG) Petronas bernilai RM16.6 bilion di Bintulu semalam, Perdana Menteri

berkata, beliau sudah diberi taklimat mengenai pakej rangsangan itu dan sedang menelitinya untuk diumumkan sedikit masa lagi.

Kepada soalan sama ada unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan dikaji semula, Dr Mahathir berkata, adalah mustahil Malaysia tidak menerima kesan daripada ketidaktentuan ekonomi dunia ketika ini, apatah lagi selepas pencerobohan Iraq serta Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS)

menular ke banyak negara.

"Disebabkan SARS, industri pelancongan yang menjadi penyumbang ketiga terbesar dari segi tukaran asing, terjejas. Kadar penginapan di hotel juga

merosot teruk walaupun tidak seburuk sesetengah negara. Kita perlu terima

hakikat bahawa kita juga menerima kesannya," katanya.

Perdana Menteri berkata, andaian bahawa suntikan dana yang besar akan kembali merancakkan ekonomi mungkin tidak benar jika pelancong memilih untuk tidak mengunjungi Malaysia kerana khuatir terhadap ancaman SARS.

"Kalau pun kita menyalurkan bantuan kepada industri perhotelan, ia tidak akan menjadi tarikan kepada pelancong untuk ke sini. Bagaimanapun, kita akan cuba menangani masalah ini," katanya.

Mengenai langkah Singapura memeterai perjanjian perdagangan bebas (FTA) dengan Amerika Syarikat di Washington kelmarin, Dr Mahathir berkata, ia hak republik itu sebagai sebuah negara luar yang bebas walaupun ia dilihat

tidak menepati semangat Asean.

Ia perjanjian perdagangan bebas pertama di antara kedua-dua negara yang diharapkan Washington menjadi permulaan untuk meneroka pasaran 500 juta

pelanggan baru di Asia Tenggara.

"Kita tidak mengenakan apa-apa ke atas sebuah negara luar dan kita juga tidak memaksakan perubahan rejim di sana. Tentunya saya tidak akan menceroboh Singapura jika saya tidak sukakan mereka. Jadi, jika mereka mahu mengadakan perjanjian dengan sesiapa, itu adalah urusan mereka," katanya.